

## **Petronas dan Hasil Royalti Minyak dan Gas Sarawak dalam Sistem Perkongsian Pengeluaran (1974-1990)**

**Suzanne Atar,<sup>1</sup> A Rahman Tang Abdullah<sup>2</sup> & Bilcher Bala<sup>3</sup>**

*Manuskrip diterima: 7 Oktober 2018*

*Diterima untuk penerbitan 4 November 2018*

<sup>1</sup> Calon Doktor Falsafah di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: [suzanneatar@yahoo.com](mailto:suzanneatar@yahoo.com)

<sup>1</sup> Profesor Madya di Prgram Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: [art@ums.edu.my](mailto:art@ums.edu.my)

<sup>1</sup> Profesor Madya di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: [bilcher@ums.edu.my](mailto:bilcher@ums.edu.my)

### **Abstract**

*The petroleum oil product in Malaysia is under the jurisdiction and management of PETRONAS as provided under the Petroleum Development Act 1974. This act allows the establishment of PETRONAS, and granting exclusive rights to this corporation to control all exploration and exploitation activities in Malaysia. It encompasses activities in the development of upstream and downstream oil and gas industries within the country. There are four petroleum-producing states, namely Sarawak, Sabah, Terengganu and Kelantan. However, the subject matter in question is the total distribution of oil and gas royalties of 5 percent paid by PETRONAS to the state government. In this regard, Sarawak has made this issue as a means for demanding a higher percentage of royalty, which arouse debates with the federal government. This is because Sarawak sees this oil revenue generates a substantial income each year, which should have given the state a greater percentage from 1974 to 1990. However, the understanding of this issue should be based on the PETRONAS's revenue-based framework which is subject to the petroleum fiscal regime, namely the Production Sharing Contract (PSC) system to generate sustainable profits. This paper aims to highlight the historical developments and procurement system adopted by PETRONAS in particular by focusing on the case of Sarawak.*

**Keywords:** *PSC, PETRONAS, PDA 1974, Oil Royalty, Sarawak*

---

### **Abstrak**

Keluaran hasil minyak petroleum negara Malaysia terletak di bawah bidang kuasa dan pengurusan PETRONAS sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA 1974). Akta ini membolehkan PETRONAS ditubuhkan dan memberikan hak eksklusif kepada perbadanan ini untuk mengawal semua aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak di Malaysia. Ia merangkumi kegiatan dalam memajukan industri hulu dan hiliran minyak dan gas dalam negara. Terdapat empat negeri yang terlibat dengan hasil pengeluaran minyak petroleum ini, iaitu Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kelantan. Namun begitu, perkara pokok yang menjadi persoalan ialah hasil royalti minyak dan gas sebanyak 5 peratus yang dibayar oleh PETRONAS kepada kerajaan negeri. Dalam hal ini, Sarawak telah menjadikan isu ini sebagai alat bagi menuntut jumlah peratus royalti yang lebih tinggi, yang menimbulkan perdebatan dengan kerajaan persekutuan. Ini kerana Sarawak melihat hasil minyak ini menjana pendapatan yang lumayan pada setiap tahun, yang sepatutnya negeri tersebut diberikan peratusan yang lebih besar sejak dari tahun 1974 hingga 1990. Namun begitu, kefahaman terhadap isu ini perlu disandar kepada kerangka hasil pendapatan PETRONAS yang berdasarkan kepada regim fiskal petroleum, iaitu sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) untuk menjana keuntungan yang mampan. Makalah ini akan memaparkan tentang sejarah perkembangan dan sistem perolehan yang diguna pakai oleh PETRONAS dengan mengkhusus kepada kes Sarawak.

**Kata Kunci:** PSC, PETRONAS, PDA 1974, Royalti minyak, Sarawak

---

### **Pengenalan**

Industri minyak dan gas di Malaysia merupakan tonggak utama kepada sumber pendapatan terbesar negara Malaysia. Sehingga tahun 2012, ia menyumbang kepada 40 peratus pendapatan negara. Jumlah pendapatan yang cukup besar ini menunjukkan kebergantungan pendapatan negara terhadap sektor industri minyak dan gas. Keberadaan sumber ini cukup penting dan signifikan sekali, terutamanya bagi pembangunan fizikal dan sosial negara. Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA 1974) membolehkan PETRONAS ditubuhkan dengan memberikan hak eksklusif

kepada perbadanan ini untuk mengawal kesemua aktiviti eksplorasi dan eksploitasi minyak dalam negara. Negeri Sarawak merupakan antara empat negeri selain Sabah, Terengganu dan Kelantan yang menerima manfaat daripada kewujudan PETRONAS dalam memajukan industri hulu dan hiliran minyak dan gas di negeri tersebut. Hasil royalti minyak dan gas sebanyak 5 peratus yang dibayar oleh PETRONAS pada setiap tahun dilihat menjana pendapatan yang lumayan kepada kerajaan negeri Sarawak sejak dari 1974. Pendapatan PETRONAS tertakluk kepada strategi regim fiskal petroleum, iaitu sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran atau *Production Sharing Contract* (PSC), yakni sistem yang digunakan dalam industri minyak dan gas di seluruh dunia, dengan objektif untuk menjana keuntungan yang mampan.

Justeru itu, artikel ini akan membincangkan mengenai isu yang melibatkan PETRONAS dengan perolehan kerajaan negeri Sarawak yang merujuk kepada hasil royalti minyak dan gas bagi tempoh tahun 1974 hingga 1990. Bagi tujuan ini, perbincangan akan didahului dengan latar belakang kegiatan perlombongan minyak di Sarawak sebelum 1974. Kemudiannya, akan membincangkan penggubalan PDA 1974. Dalam pada itu, untuk memahami PDA 1974 ini dengan lebih tepat, artikel ini akan menghuraikan perbezaan di antara dua sistem petroleum di Malaysia, iaitu konsesi dan PSC. Seterusnya akan mengupas peranan yang dimainkan oleh PETRONAS sebagai badan tunggal negara yang mengurus sektor minyak dan gas di Malaysia dengan pengkhususan kepada Sarawak. Dan, akhirnya akan membincangkan kadar perolehan royalti hasil minyak dan gas yang dibayar kepada kerajaan negeri Sarawak.

### **Permulaan Perlombongan Minyak di Sarawak**

Sarawak adalah salah satu daripada tiga belas negeri di Malaysia yang dianugerahkan dengan sumber kekayaan alam semulajadi bawah tanah yang cukup banyak berbanding dengan negeri lain. Kekayaan sumber alam semulajadi yang dimaksudkan ini adalah sumber minyak dan gas asli yang kebanyakannya ditemui di pesisiran pantai dan laut dalam di Bahagian Bintulu dan Bahagian Miri. Malahan Sarawak merupakan negeri pengeluar minyak pertama di Malaysia. Telaga minyak telah ditemui oleh syarikat Shell<sup>1</sup> di atas Bukit Canada di Miri, Sarawak pada

---

1 Pada tahun 1907, Royal Dutch Petroleum Company dan Shell Transport and Trading telah bergabung menubuhkan syarikat Royal Dutch Shell Group, yang lebih kenali dengan singkatan Shell sehingga hari ini. Our Beginnings, <https://www.shell.com/about-us/our-history/our-beginnings.html>, Akses 1 September 2018.

tahun 1910. Shell Miri No.1, iaitu telaga minyak pertama di Miri telah dilombong pada 10 Ogos, dan pada bulan Disember 1910, telaga ini berjaya menghasilkan 83 tong minyak sehari. Meskipun kawasan telaga minyak di Miri itu dianggarkan boleh menghasilkan minyak kira-kira 80 juta tong selepas Perang Dunia Kedua, namun kegiatan perlombongan minyak adalah terhad kerana menghadapi kesan perang tersebut.<sup>2</sup> Ini kerana kegiatan perlombongan minyak telah terhenti buat seketika semasa Perang Dunia Kedua. Telaga minyak tersebut menghadapi kemusnahan semasa pendudukan Jepun di Sarawak. Walaupun hasil pengeluaran minyak dalam sehari mampu mencapai 15,000 tong minyak sehari pada tahun 1929, namun kemudiaannya telah merudum ekoran daripada kemusnahan telaga minyak akibat Dasar Bumi Hangus, iaitu strategi pengeboman oleh pihak British sendiri sebelum berundur dari Sarawak.<sup>3</sup>

Keadaan tersebut mula pulih apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, dan Sarawak kemudiannya telah diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan British sebagai tanah jajahan mahkota Britain. Satu anak syarikat perlombongan minyak, Sarawak Shell Oilfield Limited telah ditubuhkan dan diberikan konsesi di seluruh Sarawak sejak 1 Januari 1958.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, setelah Sarawak menyertai pembentukan Malaysia pada tahun 1963, sistem perlombongan minyak telah berubah dengan pengenalan dan pewartaan PDA 1974. Pewartaan ini telah mewujudkan sistem PSC bagi sektor perlombongan minyak dan gas di Sarawak. Sistem PSC ini sekaligus menghapuskan sistem sebelumnya, yang merupakan pemberian konsesi kepada syarikat yang ingin melombong minyak dalam negara.<sup>5</sup> Sebelum itu, Sarawak telah menerima royalti minyak sebanyak 10 peratus daripada syarikat

---

2 Bank Pembangunan, Report on Malaysia Oil and Gas Exploration and Production, Annual Report, 2011, hlm. 60.

3 Japanese Forces Land in Borneo British Destroy Oil Wells and Plants, The Argus (Melbourne), 18 Disember 1941, hlm. 1.

4 Council Negri Debate, Fourth Meeting of the First Session of the Third Council Negri Kuching, 7, 8 dan 9 Mei 1958, hlm. 28-29.

5 Rujuk, Perkara 2 (1) Undang-undang Malaysia, Akta 144, Akta Kemajuan Petroliaam 1974, hlm. 5-6.

Sarawak Shell Oilfield Limited berasaskan sistem konsesi, yang membenarkan syarikat tersebut menguasai keseluruhan aktiviti perjalanan perlombongan di Sarawak. Namun, satu perjanjian telah termeterai di antara kerajaan Sarawak melalui Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul Rahman Ya'kub pada tahun 1972 dengan kerajaan persekutuan telah mencetuskan cadangan penubuhan dan berkuatkuasanya PDA 1974. Sarawak berserta negeri Sabah adalah negeri di Malaysia yang pertama memperolehi hasil royalti minyak dan gas sebanyak 5 peratus bagi penghasilan minyak yang dihasilkan di kawasan persisiran pantai dan pelantar benua pada ketika itu.<sup>6</sup>

Kaedah pembayaran pula adalah dalam bentuk bayaran wang tunai (*cash payment*) dan dimasukkan ke dalam akaun perbendaharaan negeri. Perbezaan ketara dari segi perolehan pendapatan kerajaan negeri adalah apabila pembayaran royalti berdasarkan kepada sistem regim fiskal yang digunakan, iaitu dari sistem konsesi beralih kepada sistem PSC. Secara kebetulan, pewartaan PDA 1974 adalah ekoran daripada kejadian krisis embargo minyak dunia pada tahun 1973. Akibatnya, krisis ini telah memberi kesan kepada peningkatan mendadak harga minyak dunia sebanyak empat kali ganda, iaitu dari USD3 kepada USD12 ketika itu.<sup>7</sup> Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah perundangan melalui akta parlimen tersebut untuk menguatkuasakan hak milik dan kawalan terhadap simpanan hasil minyak yang terdapat di kawasan pelantar benua atau di luar pantai yang merangkumi melebihi tiga batu nautika sehingga 12 batu nautika dari pinggir pantai. Ini selaras dengan peruntukan yang diberikan kepada setiap negara berpantai yang telah mendatangi *Geneva Convention on the Laws of the Seas* berkenaan undang-undang laut dalam yang diwartakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1958. Persekutuan Tanah Melayu telah menanda tangani konvensyen tersebut pada 21 Disember 1960.<sup>8</sup>

---

6 Eugene Thean Hock Lee, Scope for Improvement Malaysia's Oil and Gas Sector, July 2013, Research for Social Advancement, hlm. 18. [www.refsa.org](http://www.refsa.org). Akses pada 8 Ogos 2018.

7 Jacques Cremer dan Martin L. Weitzman, 'OPEC and the monopoly price of world oil', *European Economic Review*, Vol. 8, Issue 2, August 1976, hlm. 155-164.

8 United Nations, Treaty Series, Vol. 450. Article 29, Convention on the Territorial Sea and the Continuous Zone, Geneva, 29 April 1958, Entry into Force in 1962, Ratification and Accession by Malaya/Malaysia, 1960, Convention on the High Seas 1958, Done at Geneva on 29 April 1958. Entered into force on 30 September 1962.

### **Akta Pembangunan Petroliam 1974**

PDA 1974 (Akta 144) adalah akta yang telah digunakan oleh kerajaan persekutuan untuk pembangunan aktiviti perlombongan minyak dan gas di Malaysia. Akta ini memperuntukan suatu perbadanan untuk mencari dan mengeksplot petroliam sama ada di kawasan pantai atau luar pantai. Menurut akta ini juga perbadanan ini diberikan hak keseluruhan pemunyaan mengenai petroliam, hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif berkenaan dengannya, dan untuk mengawal perjalanan aktiviti penggunaan dan kemajuan berhubung dengan petroliam dan keluarannya.<sup>9</sup> Dengan kata lain, seluruh pemunyaan ke atas hasil petroliam dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mencari, mengeksplot, mendapatkan dan memperolehi petroliam sama ada di pantai dan di luar pantai Malaysia hendaklah diletakkan di bawah syarikat yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau di bawah undang-undang berkenaan dengan memperbadankan syarikat.<sup>10</sup> Menurut Akta 125 perletakhakkan pemunyaan, hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan yang disebut dalam seksyen kecil hendaklah berkuatkuasa apabila disempurnakan suatu surat cara dalam borang yang terkandung dalam jadual akta tersebut. Selain itu dinyatakan juga bahawa pemunyaan, hak, kuasa kebebasan dan keistimewaan eksklusif yang diletakhakkan sedemikian tidak boleh dibatalkan dan hendaklah berjalan kuatkuasanya bagi faedah perbadanan itu dan penggantinya. Di bawah Akta 125 peruntukan seksyen 22 Akta Syarikat 1965 menetapkan bahawa nama perbadanan yang diguna telah dinamakan sebagai Petroliam Nasional Berhad atau ringkasnya PETRONAS.<sup>11</sup>

Di bawah akta tersebut, PETRONAS sebagai sebuah perbadanan hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan sebarang arahan yang dirasakan patut. Sungguh pun yang demikian, Akta 125 juga menerangkan apapun peruntukan Akta Syarikat

---

9 Undang-undang Malaysia, Akta 144 Akta Kemajuan Petroliam 1974, hlm. 5.

10 Ibid., hlm. 5.

11 Ibid., hlm. 6.

1965 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan, bahawa Perbadanan atau PETRONAS hendaklah terikat kepada arahan yang dikeluarkan sedemikian. Sebagaimana juga yang telah diperuntukan kepada PETRONAS bahawa ia berkuasa terhadap hak, kuasa dan keistimewaan bagi pemunyaan. Sebagai balasan, dalam akta tersebut, dinyatakan bahawa PETRONAS dikehendaki untuk membuat pembayaran wang tunai kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang berkenaan seperti mana yang telah dipersetujui di antara pihak yang berkenaan.<sup>12</sup> Sungguhpun PETRONAS adalah sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, PETRONAS memerlukan satu majlis penasihat. Majlis Penasihat Petroleum Negara merupakan majlis penasihat yang ditubuhkan, yang terdiri daripada beberapa ahli, termasuklah daripada negeri yang berkenaan, dan lantikan di bawah bidang kuasa Perdana Menteri. Majlis Penasihat Petroleum Negara berperanan penting untuk memberi nasihat kepada Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara berkenaan dengan petroleum, perusahaan petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya.<sup>13</sup> Meskipun terdapat peruntukan undang-undang bertulis yang lain, kebenaran daripada Perdana Menteri adalah perlu dalam apa jua urusan mengenai pemerosesan atau penapisan petroleum atau pengilangan keluaran kimia petrol daripada petroleum.

Sebarang urusan untuk mengendalikan urusan tersebut boleh dijalankan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang atau syarikat lain daripada PETRONAS perlu mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, mana-mana kumpulan orang atau syarikat yang pada mula berkuatkuasanya akta tersebut yang ingin menjalankan sesuatu urusan yang disebut dalam seksyen kecil (1) boleh terus berbuat demikian. Namun hendaklah tidak melebihi tempoh enam bulan dari tarikh berkuatkuasanya akta tersebut. Sekiranya lewat atau melebihi tempoh enam bulan, kumpulan orang atau syarikat tersebut perlu membuat permohonan bertulis kepada Perdana Menteri untuk mendapat kebenaran seperti mana yang ditetapkan atau disebut dalam seksyen kecil (1). Tambahan lagi menurut lunas yang telah dinyatakan

---

12 Ibid.

13 Ibid.

14 Ibid.

dalam APD 1974, kuasa untuk membuat peraturan adalah terletak di tangan Perdana Menteri bagi tujuan untuk membuat peraturan bagi maksud menguatkuasakan peruntukan akta tersebut.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, Akta 95 iaitu Akta Melombong Petroliam, 1966 tidak boleh dipakai bagi perbadanan tersebut, yang mana merujuk kepada PETRONAS. Namun yang demikian, peralihan Akta 95 menyatakan bahawa sesuatu lesen mencari sumber minyak yang dikeluarkan dan apa-apa perjanjian petroliam yang dibuat menurut Akta Melombong Petroliam 1966 dan sesuatu pajakan lombong yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubung dengan petroliam hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya akta tersebut atau selama sesuatu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Perdana Menteri. Takrifan bagi akta tersebut, perbahaasan 'petroliam' ertinya apa-apa minyak galian atau hidrokarbon yang berkaitan dengan gas asli yang berada dalam keadaan aslinya, dan *casinghead petroliam spirit* termasuk syil bitumen dan lain-lain mendak lapisan dari mana minyak boleh didapati.<sup>16</sup>

### **Perolehan Pendapatan Petroluem: Sistem Konsesi dan PSC**

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor minyak dan gas merupakan sektor yang paling banyak menyumbang kepada hasil pendapatan negara. Namun begitu, situasi sebenar bagaimana syarikat PETRONAS beroperasi, dan peranan yang signifikan dilakukan oleh PETRONAS terhadap kekukuhan kewangan kerajaan persekutuan pada hari ini perlu juga difahami. PETRONAS penting dalam menyumbang kepada 35 peratus bajet kerajaan persekutuan sebagaimana yang telah dibayar oleh PETRONAS sehingga akhir tahun 2007. PETRONAS bermula dengan modal RM10 juta pada tahun 1974 yang dibayar oleh kerajaan persekutuan. Sejak mula ditubuhkan, kedudukan PETRONAS adalah tidak memiliki sepenuhnya pengeluaran minyak dalam negara. Apabila PETRONAS ditubuhkan, sistem minyak, carigali minyak dan sebagainya telah beralih dari sistem konsesi kepada sistem PSC, di mana terdapat syarikat lain, seperti Shell dan Exxon serta lain-lain, beroperasi dan

---

15 Ibid., hlm. 7.

16 Ibid., hlm. 7.



berkongsi dengan PETRONAS. PSC juga termasuk Petronas Carigali.<sup>17</sup> Sebelum kewujudan PSC, hasil pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan adalah datangnya daripada sistem perjanjian secara konsesi atau *concessionary system*. Sistem konsesi adalah sistem yang telah lama digunakan oleh negara pengeluar minyak di dunia.

Sistem ini juga telah digunakan di Malaysia bagi perolehan regim fiskal dalam industri minyak dan gas setelah sekian lama. Di Malaysia, syarikat Shell adalah yang pertama dianugerahkan kontrak konsesi pada tahun 1960. Hal ini berikutan dengan peningkatan pengeluaran dalam penemuan minyak dan gas di pesisiran pantai Sarawak dan Sabah pada ketika itu. Walau bagaimanapun, lebih banyak syarikat, seperti Conoco dan Esso memilih untuk meneroka dalam industri minyak dan gas di Malaysia pada sekitar lewat tahun 1960.<sup>18</sup> Namun begitu, kedua-dua syarikat tersebut telah dianugerahkan konsesi kontrak untuk mengekstrak minyak dan gas di kawasan pantai barat Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia. Komponen regim fiskal dikenali sebagai royalti atau cukai telah dikenakan oleh kerajaan negeri yang mempunyai hak ke atas tanah yang mengandungi penemuan minyak dan gas. Segala hasil cukai dan royalti telah dikenakan dan dipungut oleh kerajaan negeri di bawah laras undang-undang negeri mengenai sumber minyak dan gas yang telah diteroka.<sup>19</sup> Kebiasaannya, perjanjian konsesi ditadbir menerusi enakmen perlombongan negeri sendiri yang mengenakan enakmen ke atas sumber minyak dan gas.<sup>20</sup> Sebagaimana yang diketahui umum, sejarah penggalan minyak di Sarawak telah dimulakan oleh syarikat Sarawak Shell Oilfields Limited yang mempunyai kuasa ke atas hak penggalan minyak di seluruh Sarawak dan sehingga ke pentas benua yang telah diperuntukan kepada Sarawak.

---

17 Isu Minyak: Jawapan presiden Petronas, Malaysia Kini, <https://www.malaysiakini.com>. Akses pada 30 Julai 2018.

18 Bank Pembangunan, Report on Malaysia Oil and Gas Exploration and Production, Annual Report, 2011, hlm. 60.

19 Abdulsalam Mas'ud, Nor Aziah Abdul Manaf & Natrah Saad, Comparison of Petroleum Fiscal Regime Within Malaysia, Januari 2014, hlm. 5. <http://www.researchgate.net>. Akses 2 Ogos 2018.

20 Nor Aiziah Abd Manaf et.al., Effects of Fiscal Regime Changes on Investment Climate of Malaysia's Marginal Oil Fields: Propose Model, Procedia-Social and Behavioral Sciences, Vol. 164, 2014, hlm. 56.

Oleh yang demikian, Sarawak telah merangka rang undang-undang atau ordinan, Penggalian Minyak Sarawak dan juga mengenai Pentas Benua pada tahun 1958. Rentetan penggubalan ordinan tersebut pada pertama kalinya telah dibaca oleh Setiausaha Kewangan di persidangan Majlis Negri pada Mei 1958. Bacaan Bill yang kedua pula dibaca dan telah dikemukakan pada tarikh yang sama dan dikemukakan oleh Setiausaha Kewangan. Bacaan ordinan yang kedua dibentangkan di hadapan Peguam Negeri berobjektifkan untuk memberikan segala undang-undang dan peraturan dalam industri minyak di Sarawak.<sup>21</sup> Sejak dari 1 Januari 1958, syarikat Sarawak Shell Oilfields Limited telah mempunyai konsesi minyak di seluruh Sarawak termasuklah di kawasan pelantar benua yang dilampirkan kepada Sarawak. Konsesi ini mengandungi syarat terperinci yang berkaitan dengan semua perkara yang berkaitan dengan perlombongan minyak, dan undang-undang tertentu tidak perlu pada masa itu. Namun yang demikian, sejak dari 1 Januari 1958, syarikat Sarawak Shell Oilfields Limited telah melepaskan 75 peratus daripada kawasan tanah dan memerlukan satu enakmen baru mengenai peraturan bagi menggubal undang-undang untuk mengawal selia pemberian lesen eksplorasi, lesen prospek, pajakan pertambangan dan perkara lain yang berkaitan dengan industri perlombongan minyak. Walau bagaimanapun, Syarikat Sarawak Shell Oilfields Limited masih mempunyai hak terhadap soal pemberian.<sup>22</sup>

Selanjutnya, sistem PSC telah digunapakai dalam industri minyak dan gas di Malaysia pada awal tahun 1970 selepas terbentuknya perundangan PDA 1974. Selain itu, pengenalan PSC juga diperkenalkan berikutan kejayaan Indonesia dalam menggunakan sistem ini dalam penerokaan sumber minyak dan gas di negara tersebut. Ciri PSC pada tahun 1976, yang disokong oleh pandangan Jawatankuasa Penyelarasan Program Geosains-CCOP (2004), terdiri daripada: royalti 10 peratus, kos siling minyak 20 peratus, pembahagian keuntungan 70:30 peratus yang memihak kepada PETRONAS, dan Petroleum Cukai Pendapatan 38 peratus yang dibayar oleh PETRONAS dan kontraktor kerajaan. Walau

---

21 Council Negri Debate, Fourth Meeting of the First Session of the Third Council Negri Kuching, 7, 8 dan 9 Mei 1958, hlm. 11.

22 Ibid., hlm. 28-29.


bagaimanapun, rejim fiskal pada tahun 1976 di bawah susunan PSC adalah dianggap sangat ketat dari segi siling minyak kos dan pecahan keuntungan.<sup>23</sup> Pada tahun itu, setelah menghadapi kritikan mengenai ciri yang terkandung dalam PSC yang dilihat begitu ketat, terutamanya pada kos siling dan perpecahan keuntungan, maka kerajaan Malaysia merangka semula rejim PSCnya mengikut kesesuaian semua pihak yang terlibat pada sembilan tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1985. Pelarasan telah dibuat berhubung kos siling minyak dan pecahan keuntungan. Konsep PSC akan dapat difahami berdasarkan kepada Rajah 1.

Kadar pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan persekutuan dan empat kerajaan negeri pengeluar minyak terbesar di Malaysia adalah sangat dipengaruhi oleh sistem fiskal yang digunakan oleh peneroka minyak dalam negara. Sistem konsesi semestinya membenarkan kerajaan negeri untuk mengenakan pelbagai cukai dan royalti kepada syarikat yang diberikan konsesi untuk menjalankan aktiviti perlombongan minyak dan gas di sesebuah negara atau negeri. Walhal, untuk menggunakan kaedah PSC memerlukan adanya perkongsian yang sama rata dan adil kepada setiap pelabur yang semestinya mempengaruhi kadaran keuntungan yang diperolehi selepas menolak setiap kos tertentu sebelum mendapat untung bersih.

---

23 Nor Aiziah Abd Manaf et.al., Effects of Fiscal Regime Changes on Investment Climate of Malaysia's Marginal Oil Fields: Propose Model, *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, hlm. 56.

**Rajah 1: Konsep PSC di Malaysia**



Sumber: R. Rozani *et.al*, Cost Inflated Enigma in Upstream Petroleum Industry Projects in Malaysia, *Kertas Kerja*, International Conference on Ocean, Mechanical and Aerospace For Scientist and Engineer (OMase 2016), 7 – 8 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu Malaysia, hlm. 78.

**PETRONAS di Sarawak Melalui PSC**

PETRONAS memulakan langkah untuk meneroka hasil minyak dan gas di Sarawak pada seawal tahun 1974 setelah termeterainya PDA. Apabila projek LNG telah diusulkan di Bintulu, jangkakan hasil perolehan bagi minyak dan gas telah dijangkakan akan meningkat selepas tahun 1976.

Penyertaan awal PETRONAS dalam projek LNG di Bintulu melibatkan urusan perbincangan dengan syarikat Sarawak Shell Berhad mengenai formula perkongsian pengeluaran dalam pengeluaran minyak mentah Sarawak. Ini sekaligus membolehkan PETRONAS dan kerajaan negeri Sarawak memainkan peranan yang signifikan dalam industri minyak dalam negeri ini.<sup>24</sup> Kehadiran dan juga pembentukan syarikat petroleum tunggal negara, iaitu PETRONAS dalam industri minyak dan gas di Sarawak sangat penting dalam merencanakan lagi pengeluaran hasil harian minyak Sarawak, terutamanya pada sepanjang tahun 1970-an.<sup>25</sup> Penyertaan rasmi PETRONAS ke dalam industri pengeluaran minyak dan gas negeri Sarawak adalah pada 16 November, 1976. Pada tanggal 16 November 1976 adalah tarikh di mana satu perjanjian yang telah termeterai di antara Syarikat PETRONAS dan Shell Companies melibatkan perjanjian perkongsian hasil.<sup>26</sup> Kerjasama di antara PETRONAS dan syarikat Shell melalui perjanjian tersebut memberi penekanan kepada tiga perkara penting dan utama kepada negeri Sarawak.

Pertamanya, Sarawak Shell akan dapat menetapkan kadar harga semasa dan melabur lebih banyak dalam bidang baru di bawah set insentif dan jaminan yang diperakui oleh perjanjian perkongsian pengeluaran. Kedua, perjanjian yang telah ditandatangani akan memadamkan sebarang bentuk kesalafahaman berkenaan dengan polisi kerajaan dalam pembangunan industri minyak sekaligus akan memadamkan sebarang bentuk keraguan syarikat minyak yang lain bagi mempertimbangkan permohonan untuk penerokaan dan pembangunan dalam kawasan yang lain di Sarawak. Kepentingan ketiga ialah kepada pembangunan Sarawak, iaitu PETRONAS dan Sarawak Shell megesahkan bahawa penubuhan loji gas asli di Bintulu akan diteruskan.<sup>27</sup> Perlu diingat pada ketika itu, PETRONAS juga adalah sebuah syarikat petroliaam negara yang masih baru dan berkembang serta berjinak dalam

---

24 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas, 12 Mac 1984, hlm. 13.

25 Sarawak Council Negri Debate, First Meeting of Second Session of the Ninth Council Negri, 24 March, 1976, hlm. 98.

26 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan, 17 Mac 1977, hlm. 7.

27 Ibid.

penerokaan industri minyak dan gas di Malaysia. Dalam usaha untuk memajukan sektor perindustrian minyak dan gas di Sarawak, pihak PETRONAS dengan mengambil contoh Projek Cecair Gas Asli atau LNG di Bintulu pada tahun awalnya (1976-1978) memerlukan kontraktor dan sub kontraktor dari luar negara, iaitu Belanda (Shell Gas B.V.) dan Jepun (Mitsubishi Corporation). Perjanjian PSC melalui Malaysia Liquefied Natural Gas Sendirian Berhad atau MLNG dilihat dengan adanya kerjasama dua hala apabila PETRONAS mengambil keputusan pada 28 September 1979 untuk melantik kontraktor utama yang merupakan firma dari Jepun dan Amerika Syarikat yang sangat berpengalaman dalam projek pembinaan. Japan Gas Corporation dan Pullman/Kellogg telah terpilih untuk mendapatkan tender daripada tiga buah syarikat yang juga mempunyai pengalaman yang setanding.<sup>28</sup>

Penyertaan Sarawak dalam industri cecair gas asli atau LNG telah dimeterai bersama dengan kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri Sarawak dalam pada itu menerima 5 peratus ekuiti daripada penyertaannya dalam industri LNG Bintulu. Atas sebab kekangan kewangan, kerajaan negeri tidak mampu untuk terlibat dalam pelaburan yang lebih besar daripada 5 peratus. Ini menyebabkan pada masa itu syer kerajaan Sarawak dalam projek industri LNG hanyalah sebanyak 5 peratus. Oleh yang demikian, perolehan ekuiti yang diterima oleh kerajaan negeri Sarawak juga hanyalah berjumlah 5 peratus.<sup>29</sup> Projek MLNG di Bintulu adalah projek yang pertama dalam negara dan merupakan projek loji LNG kedua terbesar di dunia. Projek LNG ini adalah hasil kerjasama di antara PETRONAS dengan Shell Gas B.V. dan Mitsubushi Corporation pada tahun 1989. Dalam usaha untuk membawa lebih banyak kemajuan ke negeri Sarawak, PSC juga telah ditandatangani di antara Baram Oil Development Company Limited/PETRONAS Carigali, Idemitsu Pectin/ PETRONAS Carigali, dan Opic/Phoenix Resources Company/Samsung/Yukong/ PCSM dalam

---

28 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, 4 Disember 1979, hlm. 14.

29 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang kedua Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, 18 Mei 1982, hlm. 18; Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, 10 November 1982, hlm. 13.

usaha menerokai kawasan minyak dan gas di kawasan laut dalam dan tepi pantai. PETRONAS dan Shell Berhad juga telah bersetuju untuk menempatkan Loji *Middle Distillate Synthesis* di Bintulu yang memakan pelaburan sebanyak \$1.2 bilion ringgit.

Situasi ini sudah tentu akan merancakkan lagi pelaburan dan industri yang berkaitan dengan MDS serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.<sup>30</sup> Sehingga pada tahun 1998, pelaburan bagi tujuan eksplorasi, pembangunan dan pengeluaran sumber petroleum Sarawak untuk lima tahun berikutnya sehingga tahun 2002 dianggarkan sebanyak RM11.8 bilion. Projek MLNG 3 dalam tahun tersebut juga giat dijalankan dan apabila siap sepenuhnya akan dapat meningkatkan pengeluaran gas cecair asli di Bintulu kepada 23 juta tan setahun.<sup>31</sup> PETRONAS sememangnya menyumbang ke arah pembangunan dalam sosio-ekonomi negeri Sarawak. Setakat 6 Mei 2014, PETRONAS telah membuat sumbangan penting kepada ekonomi negara Malaysia dan negeri Sarawak dengan pengewangan (*monetization*) sumber hidrokarbon yang ditemui di perairan negeri Sarawak. Berikutan penemuan minyak dan gas terutama di rantau Central Luconia, PETRONAS telah melabur berbilion ringgit untuk membina dan mengembangkan kemudahan berkaitan minyak dan gas di Sarawak, seperti Kompleks LNG PETRONAS yang telah menjana limpahan ekonomi besar kepada negara Malaysia dan negeri Sarawak serta rakyatnya termasuk peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan pembangunan tenaga kerja mahir dalam sektor kerja minyak dan gas khususnya. Selain itu, projek mega juga akan dilaksanakan oleh PETRONAS juga ialah termasuk projek Train 9 dan projek Floating LNG 1.<sup>32</sup>

---

30 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas, 13 Julai 1987, hlm. 73-74.

31 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas, 6 Mei 1998, hlm. 10.

32 Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Pelaburan dan Promosi) Y.B Dato Haji Julaihi Bin Hj Narawi. Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketujuh Belas, 6 Mei 2014, hlm. 3; Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketujuh Belas, 25 April 2015, hlm. 9.

### **Prestasi Perolehan Pendapatan Negeri Sarawak dari Hasil Royalti**

Pada tahun 1976 dalam ucapan perbahasan Pembacaan Kedua Bil Perbekalan (1976), Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub memberitahu bahawa pada tahun 1975, negeri Sarawak telah memperolehi sebanyak 74 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak berbanding dengan 69 peratus pada tahun 1974. Jumlah keseluruhan minyak mentah dan petroleum yang dieksport tahun 1975 adalah sebahagian besar di wilayah 4 juta tan, yang bersamaan dengan 32 juta tong. Kadar perolehan pada tahun 1975 adalah sebanyak USD17 juta, iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding dengan kadar perolehan pada tahun 1974.<sup>33</sup> Semasa sembilan bulan pertama pada tahun 1978 jumlah produk minyak mentah petroleum yang dieksport berjumlah 3.2 juta tan jika dibandingkan pada tahun 1977, iaitu sebanyak 4.2 juta tan. Dari segi jumlah nilai pendapatan, jumlah eksport bersamaan dengan USD803.5 juta mengatasi USD1,25.6 juta dalam tempoh masa yang sama.<sup>34</sup> Penurunan eksport minyak mentah pada tahun 1978 adalah disebabkan oleh pemotongan pengeluaran dalam penghasilan minyak mentah. Jumlah pengeluaran semasa hanyalah berjumlah 90,000 tong sehari jika dibandingkan dengan 120,000 tong sehari pada tahun sebelumnya. Faktor kedua ialah jumlah pemotongan import minyak mentah dari Brunei yang pada masa lalu digunakan untuk eksport semula.

Faktor ketiga adalah susut nilai USD yang menjejaskan nilai purata Ringgit Malaysia. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana minyak mentah didagangkan dalam USD. Purata minyak mentah dalam tempoh sembilan bulan tahun tersebut adalah USD257 setiap tan berbanding dengan USD262 setiap tan bagi tempoh yang sama tahun 1978. Walaupun begitu, prospek pengeluaran dan nilai eksport minyak mentah Sarawak telah dijangka akan meningkat menjelang tahun akhir tahun 1979 apabila PETRONAS membuat keputusan untuk meneroka lapangan minyak di Temena, Bintulu.<sup>35</sup> Jumlah perolehan pendapatan

---

33 Sarawak Council Negri Debate, First Meeting of the Second Session of the Ninth Council Negri, 23 Mac 1976, hlm. 19.

34 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Kelima, 12 Disember 1978, hlm. 21.

35 Ibid.



royalti yang dibayar kepada Sarawak pada tahun 1978 adalah sebanyak USD63,346,046. Manakala pendapatan yang dibayar oleh PETRONAS kepada Sarawak sehingga pertengahan tahun 1979 adalah sebanyak USD33,578,379.<sup>36</sup> Pada tahun 1984, dari bulan Januari - Oktober 1983, jumlah eksport minyak mentah adalah \$2,285.5 juta mengatasi \$2,196.7 juta untuk tempoh masa yang sama untuk tahun 1982. Keseluruhan jumlah eksport petroleum sehingga Oktober 1983 pula adalah berjumlah \$420.5 juta mengatasi \$247.5 juta untuk tempoh masa yang sama bagi tahun 1982.<sup>37</sup> Prestasi pengeksportan produk LNG daripada Bintulu dengan kapal yang dibawa pertama kalinya pada 1 Januari 1983 untuk tiga bulan pertama telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak USD596 juta.<sup>38</sup>

Pada pertengahan tahun 1985, jumlah pendapatan eksport negeri Sarawak adalah lebih kurang USD4,002 juta. Ini menunjukkan adanya peningkatan 22 peratus daripada USD3,282 juta bagi tempoh masa yang sama pada tahun 1984. Resit eksport daripada LNG juga meningkat sehingga 75peratus daripada USD644 juta kepada USD1,125 juta di antara dua tempoh masa dalam kajian dan menyumbang 28 peratus daripada jumlah pendapatan eksport. Sementara itu perolehan daripada pendapatan minyak mentah petroleum yang mana menyumbang 38 peratus daripada jumlah keseluruhan perolehan eksport turun daripada USD1,541 juta kepada USD1,502 juta di antara dua tempoh menurun sebanyak 2.5 peratus. Penurunan ini adalah disebabkan penurunan isi padu eksport minyak mentah daripada 3.1 juta tan kepada 2.9 juta tan di antara dua tempoh masa. Harga purata F.O.B bagi Januari - Jun, 1985 pada USD532 setiap tan untuk tempoh masa yang sama tahun 1984. Jumlah perolehan eksport produk petroleum berjumlah USD303 juta, yang mana 30 peratus atau USD71 juta lebih tinggi bagi tempoh masa yang sama pada tahun 1984, terutamanya disebabkan peningkatan isi padu eksport disel dan bahan api. Jangkaan peningkatan eksport produk petroleum dan LNG pada suku

---

36 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, 12 Disember 1979, hlm. 3.

37 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undanangan Negeri Yang Kesebelas, 12 Mac 1984, hlm. 13.

38 Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri, Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undanangan Negeri Yang Kesebelas, 12 Mac 1984, hlm. 13.

kedua tahun 1985 bagi jumlah keseluruhan perolehan eksport komoditi termasuk minyak mentah petroleum dijangka akan memperolehi sebanyak USD6,350 juta bagi tahun 1985.<sup>39</sup>

Sehingga tahun 1987 pendapatan hasil minyak dan gas menyumbang sebanyak 40-45 peratus kepada perolehan keseluruhan negara. Dari tahun 1975 sehingga 1987, Sarawak telah menerima bayaran royalti berjumlah USD1,648 juta.<sup>40</sup> Tambahan pula sumber pendapatan negeri datangnya daripada kadar caj sewaan tanah yang telah digunakan oleh syarikat yang datang melabur di Sarawak. Sememangnya kerajaan negeri Sarawak mengenakan caj kadar sewaan tanah yang digunakan oleh syarikat minyak sejak dari awal tahun 1970-an dan kerajaan negeri berharap agar dapat memperolehi pendapatan daripada caj tersebut.<sup>41</sup> Perolehan royalti minyak Sarawak pada tahun 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Jumlah Pembayaran Royalti Minyak**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Royalti (USD)</b>
1986	179, 513, 517
1987	101, 005, 185
1988	113, 483, 768
1989	110, 378, 461
1990	139, 510, 942
<b>Jumlah</b>	<b>643, 891, 873</b>

Sumber: *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan yang Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas, 4 Disember 1991, hlm. 5.

Jadual 1 menunjukkan perolehan syer 5 peratus yang kerajaan negeri Sarawak perolehi daripada hasil industri minyak bagi kelima tahun tersebut. Perolehan syer adalah sama jumlahnya dengan perolehan

39 *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan Yang Kedua Bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas, 2 November 1985, hlm 37-38.

40 *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan Yang Kedua Bagi Penggal Yang Kedua Dewan undangan Negeri Yang Kedua Belas, 28 November 1988, hlm. 93.

41 *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan Yang Pertama Bagi penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas, 25 Mei 1989, hlm. 32.

royalti minyak 5 peratus seperti mana dalam jadual tersebut. Sementara itu, perolehan pendapatan royalti gas Sarawak yang juga bernilai 5 peratus pada tahun 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Jumlah Pembayaran Royalti Gas**

Tahun	Jumlah Royalti (USD)
1986	54,070,960
1987	45,889,728
1988	42,195,386
1989	49,172,159
1990	53,467,760
<b>Jumlah</b>	<b>244,795,993</b>

Sumber: *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan yang Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas, 4 Disember 1991, hlm. 5.

Kerajaan negeri Sarawak memiliki USD30,000 saham bernilai USD1,000 setiap satunya dalam MLNG. Ini mewakili 5 peratus daripada jumlah pegangan saham dalam syarikat. Jumlah dividen yang diperoleh daripada pelaburan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Jumlah Pembayaran Syer MLNG kepada Negeri Sarawak**

Tahun	Jumlah Perolehan (USD)
1986	180,000
1987	6,000,000
1988	2,400,000
1989	19,695,000
1990	50,613,846
<b>Jumlah</b>	<b>78,888,846</b>

Sumber: *Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*, Persidangan yang Pertama bagi Penggal yang Pertama Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas, 4 Disember 1991, hlm. 6.

### **Kesimpulan**

PETRONAS telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam membantu dari segi perolehan pendapatan negara dan negeri Sarawak khususnya. Peranan PETRONAS bukan sahaja dilihat sebagai *fixed cash* bagi kerajaan negeri namun sangat memberikan sumbangan penting dalam pembangunan modal insan dan tenaga mahir dalam kalangan anak negeri Sarawak. Perkembangan dalam dunia perlombongan minyak dan gas sentiasa berkembang pesat. Dalam pada masa yang sama, PETRONAS

juga memerlukan lebih banyak ruang untuk menggunakan keuntungan yang diperolehi untuk membuat pelaburan dalam pembangunan medan minyak, kos penyelenggaraan yang semestinya bertujuan untuk meningkatkan pendapatan syarikat tersebut. Justeru tidak wajar sekiranya beban dan tekanan dikenakan ke atas PETRONAS kerana PETRONAS juga perlu menghormati rakan kongsi niaga yang lain seperti yang telah dimeterai dalam PSC.

## **Rujukan**

### **Sumber Primer**

- Bank Pembangunan. 2011. Report on Malaysia Oil and Gas Exploration and Production. *Annual Report*.
- Council Negri Debate*. 1958. Fourth Meeting of the First Session of the Third Council Negri Kuching. 7, 8 dan 9 Mei.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1977. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan. 17 Mac.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1978. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Kelima. 12 Disember.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1979. Persidangan Yang Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh. 4 Disember.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1979. Persidangan Yang Pertama Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh. 12 Disember.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1982. Persidangan Yang Kedua Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, 18 Mei 1982.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1982. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh. 10 November.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1984. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. 12 Mac.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1985. Persidangan Yang Kedua Bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Yang Kesebelas. 2 November.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1987. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan

- Negeri Yang Kedua Belas. 13 Julai.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1988. Persidangan Kedua Bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. 28 November.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1989. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. 25 Mei.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1991. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. 4 Disember.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 1998. Persidangan Yang Pertama Bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. 6 Mei.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 2014. Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketujuh Belas. 6 Mei.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 2014. Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketujuh Belas. 6 Mei.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri*. 2015. Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketujuh Belas. 25 April.
- Sarawak Council Negri Debate*. 1976. First Meeting of the Second Session Of The Ninth Council Negri. 23 Mac.
- Undang-undang Malaysia*. 1974. Akta 144 Akta Kemajuan Petroliam.

### **Jurnal dan Kertas Seminar**

- Nor Aiziah Abd Manaf, *et.al.* 2014. Effects of Fiscal Regime Changes on Investment Climate of Malaysia's Marginal Oil Fields: Propose Model. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. Vol. 164. Hlm. 55-61.
- Rozani, R. *et.al.* 2016. Cost Inflated Enigma in Upstream Petroleum Industry Projects in Malaysia. *Kertas Seminar*. International Conference on Ocean, Mechanical and Aerospace for Scientist and Engineer (OMAse 2016). 7-8 November. Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.

### **Sumber Internet**

- Our Beginnings, <https://www.shell.com/about-us/our-history/our-beginnings.html>. 1 September 2018.
- Isu minyak: Jawapan presiden Petronas, <https://www.malaysiakini.com>. 30 Julai 2018.

*Petronas dan Hasil Royalti Minyak dan Gas  
Sarawak dalam Sistem Perkongsian  
Pengeluaran (1974-1990)*

*Suzanne Atar, A Rahman Tang  
Abdullah & Bilcher Bala*

- Abdulsalam Mas'ud, Nor Aziah Abdul Manaf dan Natrah Saad. 2018. Comparison of petroleum fiscal regime within Malaysia, Januari 2014, hlm. 5. <http://www.researchgate.net>. 2 Ogos 2018.
- Lee, E. T. H. 2013. *Scope for Improvement Malaysia's Oil and Gas Sector*, July. Research for Social Advancement. [www.refsa.org](http://www.refsa.org). 8 Ogos 2018.